

# Derita setahun dikurung

Metro 3/5/12 Ms H.

## Budak perempuan diseksa bapa sendiri dengan dibelasah guna tali pinggang hingga luka satu badan

>>Oleh Mohd Firdaus Ibrahim  
mfirdaus@hmetro.com.my

**K**UALA LUMPUR: Seorang kanak-kanak perempuan berusia tujuh tahun bukan saja dikurung sejak setahun lalu, malah turut dipukul dengan tali pinggang dan kayu oleh bapanya sehingga menyebabkan kecederaan serius di kepala dan badan.

Penderitaan kanak-kanak itu yang didera di sebuah rumah di Taman Desa, di sini, berakhir kelmarin apabila sepasukan polis menyerbu rumah berkenaan selepas menerima maklumat daripada penduduk.

Sumber berkata, dalam serbuan jam 1 pagi itu, bapa kanak-kanak terbabit yang berusia 30-an ditahan untuk siasatan lanjut.

Menurutnya, laporan polis mengenai penderaan ke atas kanak-kanak itu dibuat wakil penduduk di kawasan berkenaan yang sudah beberapa kali menegur dan memberi peringatan kepada bapa mangsa supaya menghentikan perlakuannya yang tidak



**WAN ABDUL BARI**  
...suspek ditahan

bertimbang rasa itu.

“Mangsa tinggal bersama suspek selepas lelaki itu berpisah dengan isterinya lebih dua tahun lalu. Suspek mendiami rumah berkenaan sejak setahun lalu bersama beberapa rakannya.

“Dalam kejadian terbaru (kelmarin), mangsa sekali lagi dipukul suspek selepas dia berjaya meloloskan diri daripada kurungan dan keluar dari rumah itu.

“Suspek memukul anak perempuannya itu menggunakan kayu dan kejadian terbabit disaksikan rakan seru-

## Suspek dah diberi amaran

**K**UALA LUMPUR: “Saya lihat kanak-kanak itu cedera serius di kepala, badan dan kedua-dua paha ketika diselamatkan polis,” kata Pengerusi Rukun Tetangga Teratak Muhibah 1 Taman Desa, Nor Azmi Mohamad mengenai kesengsaraan seorang kanak-kanak perempuan berusia tujuh tahun yang didera bapanya di kawasan perumahan itu.

Menurutnya, penderaan ke atas kanak-kanak itu dipercayai berlarutan sejak setahun lalu dan dia pernah memberikan amaran lisan sebanyak tiga kali sejak

mah selain beberapa penduduk di kawasan itu,” katanya. Menurutnya, suspek dilaporkan mengurung mangsa setiap kali pergi bekerja dan tidak membenarkannya meninggalkan rumah kerana

tahun lalu kepada bapa mangsa yang berusia 30-an supaya tidak mendera anaknya.

“Saya mengetahui perkara berkenaan selepas dimaklumkan penduduk setempat yang diberitahu kanak-kanak itu. Malah, saya pernah melihat kecederaan dialami kanak-kanak berkenaan,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Azmi berkata, amaran berkenaan bukan bertujuan untuk mengganggu atau mengajar lelaki itu untuk mendidik anaknya, tetapi dia tidak mahu suspek bertindak keterlaluan sehingga

bimbang rahsia kekejamaan terbongkar. Sumber itu berkata, penduduk yang membuat laporan polis memberitahu sebelum ini apabila mereka menegur suspek mengenai

mencederakan anaknya.

Katanya, disebabkan keenggannya lelaki itu untuk mendengar amaran dan nasihatnya selain terlalu kasihan kepada kanak-kanak itu, dia melaporkan kejadian berkenaan kepada polis.

“Itupun selepas suspek memukul anaknya itu dengan kayu dan tali pinggang kerana mangsa berjaya meloloskan diri daripada dikurung di bilikinya,” katanya.

Azmi berkata, suspek tidak menghantar anaknya ke sekolah biarpun beberapa kali mendakwa akan berbuat demikian apabila ditegur jiran.

tindakannya memukul mangsa, tetapi tidak diendahkan, sebaliknya menyan-takan dia ada cara tersendiri untuk mendidik anaknya. “Tidak tahan melihat kesengsaraan mangsa, wakil

penduduk di kawasan perumahan itu melaporkan kejadian kepada polis selepas suspek sekali lagi mendera mangsa (kelmarin),” katanya.

Menurutnya, siasatan awal polis mendapati mangsa cedera serius di kepala, badan dan kedua-dua paha manakala seluruh badannya mempunyai kesan berbirat diper-cayai akibat disebat dengan tali pinggang.

“Ada kesan baru dan kesan lama. Apa yang pasti seluruh kepala, badan dan kedua-dua pahanya mempunyai kesan luka, lebam dan berbirat,” katanya.

Mangsa dibawa pasukan polis ke Hospital Kuala Lumpur (HKL), di sini, dan dilaporkan masih dirawat di hospital berkenaan manakala bapanya direman empat hari bagi membantu siasatan.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Brickfields, Asisten Komisioner Wan Abdul Bari Wan Abdul Khalid, ketika dihubungi mengesahkan penahanan lelaki terbabit dan memberitahu siasatan lanjut dilakukan Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur (IPKKL).